

PELITA



BRUNEI

Tahun 1. No. 16

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
DUA KERAJAAN BRUNEI
KALI SABULAN

1 OCTOBER, 1956

TITAH DYMM SULTAN DIISTIADAT MENYAMPUT

HARI ULANGAN TAHUN BAGINDA

DULI YANG MAHA MULIA SULTAN BRUNEI, Sir Omar Ali Saifuddin telah melafadzkan satu titah yang menarek hati dari segala golongan masharifikat diistiadat menyambut Hari Ulangan Tahun Keputeraan Baginda Yang Kaempat Puloh yang telah dilangsangkan diLapau, Bandar Brunei pada pagi hari Ahad 23 September, 1956.

Istiadat yang bersejarah itu telah dilakukan selepas diadakan Istiadat Berbaris diPadang Bandar Brunei. Ramai Pegawai2 Kerajaan, Para Pembesar Negeri dan Ahli2 Jemputan Khas telah menghadziri upachara tersebut, diantaranya ialah Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Sir Anthony Abell yang juga memegang jawatan Governor Negeri Sarawak; Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White; Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Yang Berhormat Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussain; Dato' Bandar Sarawak, Yang Berhormat Abang Haji Mustafa; Kerabat2 DiRaja dan lainnya.

Titah Duli Yang Maha Mulia itu telah dilafadzkan sasudah dilakukan Istiadat Menyampaikan Bintang2 dan Pingat2 Kehormatan Hari Ulangan Tahun Keputeraan Baginda oleh Baginda kapada 46 orang termasuk saorang wanita. Persembahan uchapan2 dari Pertubuhan2 diBrunei dan uchapan2 yang dilafadzkan oleh Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Brunei; Yang Berhormat British Resident Brunei; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara; Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan uchapan dari Kathi Besar Brunei bagi pehak Pegawai2 Ugama diNegeri ini.

Baginda telah menguchapkan terima kaseh kapada kesemua pehak2 tersebut sambil menyatakan bahawa segala uchapan2 itu adalah menjadikan Baginda sentiasa bershukor pada Allah.

Seterusnya Baginda menegaskan bahawa, "Tahun ini masolah tahun yang katujoh bagi Beta menduduki Singgahsana Kerajaan Brunei, pada hari ini Beta merasa lebih2 suka2 dan ringan kerana hari inilah pertama kalinya Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei bersama2 diMajlis yang seperti ini. Dengan kehadiran Tuan Yang Terutama kaMajlis ini, Beta perchaya menambah kemajlisan istiadat sambutan hari ini. Pada Tuan Yang Terutama beta uchapkan terima kaseh".

Terhadap ra'ayat sakalian Baginda menitahkan bahawa, "Sudah mendengar dan membacha uchapan2 dihari sambutan ulangan tahun hari Beta didzahirkan hari ini, apa pula yang akan Beta sebutkan dihaddapan Tuan2 serta Ra'ayat sekalian? - selain dari Beta bershukor kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan mendo'akan

kembali kesejahteraan ...

kembali kesejahteraan Tuan2 dab Ra'ayat sekalian, Beta gemar melihat kejayaan chita2 kita.

"Beta sangat2 sukachita melihat kemajuan2 yang sudah dan sedang dijalankan mengikut kemajuan chita2 dalam menjayakan ranchangan2 bagi faedah2 perkembangan dan kemajuan Negeri mengikut kesedaran chita2 kita sunggoh pun kejayaan2 dan kesedaran chita2 kita itu belumlah memperoleh kesempornaan. Tetapi bagaimana pun dapatlah Beta katakan dan saperti yang Tuan2 serta Ra'ayat sekalian dapat melihat dan mengikuti akan kemajuan2 itu, kita sekarang sudah mulai membuat dan memperolehnya; kemajuan2 dalam perkembangan dan pembinaan dilapangan perhubungan Jalan Raya, dilapangan Pertanian dan sabagainya adalah menjadi bukti kejayaan chita2 kita itu".

Berhubong dengan hal ehwal Pertadbiran Negeri ini, Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei menyatakan bahawa Kerajaan Baginda sentiasa mengambil berat atas pembinaan dan perkembangan kemajuan2 yang mendapatkan faedah bagi Ra'ayat dan Negeri Brunei, diantaranya Baginda menegaskan, "Saperti yang dapat kita saksikan jumlah penuntut2 dan pegawai2 yang melanjutkan dan menambahkan pengetahuan keluar negeri adalah bertambah dari satuhun kasatahun; bagi memenohi dan mengatasi yang perlu kita usahakan, sekarang Kerajaan telah mengadakan sebuah College menge luarkan benih2 yang sehat bagi kanak2 yang dahaga akan pelajaran; Pusat Latehan Guru2 telah diadakan bagi mengeluarkan bineh2 yang subor dan sehat, samoga usaha2 yang saperti ini akan lebeh2 lagi maju dan jaya.

"Usaha Kerajaan Beta bukanlah hanya menumpukan perhatian di-satu lapangan sahaja, tetapi adalah meliputi segenap segi kemajuan; bantuan2 bagi kanak2 negeri supaya maju dalam bahagian pertanian; bantuan wang bagi menjalankan penanaman getah kahwin dan penanaman semula kebun2 getah sudah pun diberi. Baru2 ini Kerajaan Beta salain daripada menghantar penuntut2 dan Pegawai2 Pertadbiran keluar negeri, juga empat orang telah dihantar ka Persekutuan Tanah Melayu mempelajari hal2 menangkap ikan.

"Wang yang berjumlah sabanyak \$ 5,000,000 telah pun dilulus-kan bagi mengadakan ranchangan tali ayer dikawasan2 Mulaut dan Lumapas. Ranchangan ini adalah akan memberi bantuan yang besar dan penting bagi menjayakan usaha2 bertanam padi dikawasan2 tersebut bagi menambah kema'moran Negeri ini.

"Dengan menyebut segala2 kemajuan yang telah dan sedang kita peroleh itu sahaja, Beta merasa tidak memadai jika tidak menerangkan pembimbing2 usaha ranchangan itu. Dalam hal tersebut Beta perchaya kejayaan2 itu adalah dengan sebab kerjasama yang telah diberi oleh Pegawai2 Kerajaan yang telah ditugaskan menu naikan kewajipan masing2. Beta beri pujian itu dan terima kasih atas usaha2 mereka itu, terutama sekali kapada Tuan British Resident; Tuan Pesuroh Jaya Perkembangan Negeri, Mr. E.R. Be vington, siapa yang telah bersunggoh2 dalam menjayakan usaha yang telah kita ranchangkan. Beta berharap segala usaha2 itu berlipat ganda lagi ditujukan bagi menghasilkan ranchangan2 pembangunan dan kemajuan Negeri Brunei ini yang maseh lagi beberapa tahun sedang kita hadapi".

Selanjutnya Baginda memperingatkan bahawa saperti ditahun2 yang lalu, kerap kali Baginda menyebutkan usaha2 bagi kemajuan dan perkembangan Bahasa Melayu dan Pelajaran Ugama, sunggoh pun sechara tidak rasmi, tetapi Kerajaan Baginda telah memberikan sumbangan bantuan kapada Persekutuan Guru2 Melayu yang telah menghantar wakilnya ka Kongres Bahasa Melayu yang telah dilangsungkan diJohore, Persekutuan Tanah Melayu dan diSingapura baharu2 ini, dan berharap usaha itu akan mendatangkan hasil yang baik.

Dikalangan Bahagian Ugama pula, Duli Yang Maha Mulia menyatakan bahawa Baginda sangat bershukor kepada Allah diatas kemajuan dan kesemporna'an Ugama Islam yang telah nampak pada kita semua.

Undang2 Ugama Islam, tegas Baginda telah berjalan kuat kuasanya, hal mana Baginda telah katakan didalam Khotbah Baumaseh diingati oleh umat Islam.

"Guru2 Ugama yang akan mengajar Pelajaran2 Ugama Islam telah pun tiba dari Malaya dan akan tiba beberapa orang lagi Guru2 serta Pengelolanya sekali. Bangunan Masjid yang mahal dan indah bentuk bangunannya itu akan siap tidak berapa lama lagi. Beta menaroh penoh keperchaya'an kemajuan Ugama Islam akan bertambah2 maju dan penoh keinsafan. Umat Islam akan bertambah2 maju dan akan lebeh2 lagi beramal ibadat menurut perentah Allah dan ajaran Islam yang suchi. Moga2 Undang2 Ugama Islam dan bangunan Masjid yang indah itu akan sesuai dengan semangat Islam", kata Baginda.

Kotika menutop titah tersebut, Baginda berdo'a kapada Allah Subhanahu Wata'ala mudah2an sekalian ra'ayat jelata diNegeri ini akan sentiasa berada didalam lindongan Allah serta sehat 'afiat. Baginda tidak lupa menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Tuan British Resident Brunei; Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri serta kapada Pegawai2 Kerajaan dari satingga2 hingga katukang kebon yang telah bekerja keras dan rajin menjayakan perkerjaan2 yang baik pada tahun ini. Begitu juga kapada sekalian ra'ayat dalam Negeri ini yang telah memberi sokongan dan kerjasama dengan perasaan ikhlas serta saling mengerti antara satu dengan lain supaya kemajuan Negeri ini akan bertambah lagi dalam keadaan aman sentosa dan ma'mor.

PATI UCHAPAN2 PESUROH JAYA TINGGI DAN BRITISH RESIDENT

DIISTIADAT DILAPAU PADA MASA MENYAMBUT HARI PUJA USIA

DYMM SULTAN BRUNEI

Uchapany2 dalam Bahasa2 Melayu dan Inggeris telah dilafadzkan oleh Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Sir Anthony Abell diistiadat yang telah dilangsangkan diLapau, Bandar Brunei pada pagi hari Ahad 23 September, 1956 kerana menyambut Hari Puja Usia Yang Keempat Puloh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Dalam uchapannya itu, Sir Anthony Abell berkata bahawa lima tahun telah lalu samenjak beliau dan beberapa orang lagi telah hadir dalam Lapau itu kerana menyaksikan istiadat Perstabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei. Dalam peristiwa yang chemerlang dan bersejarah itu dahulu, katanya, orang2 yang berada didalam bangunan itu dan hamba ra'ayat Baginda yang berada diluar bangunan itu serta sahabat2 Duli Yang Maha Mulia Sir Anthony Abell, diMalaya dan diGreat Britain yang tidak terduga diNegeri Sarawak, mengucapkan tahniah kapada Duli Yang Maha Mulia yang telah mendo'a moga2 Negeri Brunei ini menilai banyaknya itu telah mendapat kema'moran dibawah Daulat Sultannya yang muda dan disayangi itu.

Sir Anthony Abell telah menguchapkan tahniah kapada Duli Yang Maha Mulia yang telah menyambut Hari Puja Usia Baginda dan juga dengan ikhlasnya menguchapkan keshukuran dan kegemaran beliau itu diatas sikap Duli Yang Maha Mulia melaksana akan kewajipan2 diatas Singgahsana yang diamanah oleh Tohan Yang Maha Kuasa kaatas Baginda.

Selanjutnya Tuan Yang ...

Selanjutnya Tuan Yang Terutama telah menguchapkan Selamat Bahagia kapada Duli Yang Maha Mulia pada hari itu sebagai Wakil dari Duli Yang Maha Besar Baginda Queen Elizabeth II; bagi pehak ra'ayat diGreat Britain dan dalam lengkongan Commonwealth dan bagi pehak Dato' Bandar Sarawak, Yang Berhormat Abang Haji Mustafa yang telah hadzir diMajlis itu kerana mewakili ra'ayat dalam Negeri Sarawak serta juga bagi pehak kesemua orang yang hadzir diMajlis itu. Beliau telah berdo'a kepada Tohan, moga2 Negeri Brunei ini akan mendapat kema'moran yang lanjut dan gem-bira dibawah Daulat Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin.

British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White, dalam uchapananya diMajlis tersebut menyatakan bahawa pada hari itu ra'ayat diBrunei merayakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia dibandar dan dikampong dengan tulus ikhlas yang menunjukan kaseh sayang serta hormat dari ra'ayat yang ta'at setia kepada Rajanya, dan mudah2an Baginda akan kekal bersema-yam diatas Takhta Singgahsana Kerajaan dengan dita'ati dan di-chintai oleh ra'ayat Baginda.

"Banyaklah telah diperbuat dalam beberapa tahun yang le-pas kerana mengadakan perkhidmatan masharakat dan kesenangan2 yang dikhendaki segera", katanya, "Banyak Sekolah2 baharu telah dibangunkan, perkhidmatan kesehatan dan perubatan telah diperbaiki, ayer dan lampu serta sara hidop ("Pension") untuk orang yang berumur tua dan kemudahan2 permainan untuk orang2 muda. Semuanya itu ialah sabahagian dari rancangan pembena'an Duli Yang Maha Mulia untuk Negeri Brunei, iaitu suatu rancha-nungan yang mengadakan harapan yang gilang gumilang dimasa yang akan datang bagi pemuda pemudi hari ini, asalkan diSekolah dan dirumah pemuda pemudi itu diajar supaya sedar bahawa penghidu-paan yang benar2 berharga itu adalah tidak tertukar oleh pembi-naan2 ini.

"Kesukaan2 itu bukannya hanya datang dari darjah penghi-dupan yang tinggi, tetapi datangnya terutama sekali ialah dari perchayakan kapada Ugama sasaorang itu, menghormati 'adat2 dan kebudayaan, ketulusan hati, kerja tekun dan penghidupan kaum keluarga sasaorang itu, dan dalam semua2 ini Duli Yang Maha Mulia telah menunjukkan satinggi2 tuladan yang boleh".

Yang Berhormat Mr. D.C. White menegaskan lagi bahawa bu-kan sahaja satu kemulia'an bagi dirinya sendiri pada hari itu, bahkan ialah juga sebagai Wakil Ahli2 Perkhidmatan Awam Brunei, menyembahkan uchapan ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia pada hari Ulangan Tahun Keputeraan Baginda dan menyampaikan do'a bagi Kerajaan dan kema'moran Duli Yang Maha Mulia; Duli Raja Isteri; serta Putera Puteri Baginda pada masa akan datang kelak.

PENGURNIA'AN KEHORMATAN HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifud-din telah, dengan sukachitanya mengurniakan sebanyak 46 Bintang2 dan Pingat2 Kehormatan Hari Keputeraan Baginda kepada Pegawai2 Kerajaan dan para Pembesar Negeri ini. Bintang2 dan Pingat2 itu telah disampaikan oleh Baginda sendiri dalam satu Istiadat yang bersejarah dilapau pada Hari Keputeraan Baginda, pada hari Ahad 23 September, 1956.

DATO' PADUKA MAHKOTA BRUNEI

Bintang D.P.M.B., iaitu Dato' Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia, Darjat Yang Kedua, telah dianugerahkan oleh Baginda kapada: Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Anak Haji Mohamed

'Alam ibni Almerham Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman, D.K., D.P.M.B., P.O.A.S., O.B.E., Wazir Yang Kedua Negeri Brunei yang juga memegang jawatan Pegawai 'Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei.

Yang Berhormat Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, D.K., D.P.M.B., O.B.E., M.S.C., Setia Usaha Sulit kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Salleh ibni Almerhom Pengiran Anak Haji Mohamed, D.P.M.B., S.M.B., P.O.A.S., M.S.C., Kathi Besar Negeri Brunei.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Muda Hashim ibni Almerhom Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman, D.P.M.B., P.O.A.S., Wazir Yang Pertama Negeri Brunei.

PINGAT OMAR ALI SAIFUDDIN

Lima orang, mengandungi saorang perempuan dan empat orang lelaki telah dikurniakan oleh Baginda dengan Pingat P.O.A.S., iaitu Pingat Omar Ali Saifuddin, Darjat Yang Pertama, saperti berikut:

Yang Mulia Pengiran Anak Khamis ibni Almerhom Sultan Hashim P.O.A.S.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya DiGadong, Haji Mohamed Yusof bin Jawatan Dalam Haji Mohamed Hussin, P.O.A.S., M.S.C.

Pehin Jawatan Dalam Awang Haji Mohamed Noor bin Laksemana Haji Abdul Razak, P.O.A.S.

Pehin Laksemana Haji Mohamed Taha bin Ratna DiRaja Awang Mohamed Hussin, P.O.A.S.

Mrs. J.O. Gilbert, iaitu isteri kepada Mr. J.O. Gilbert, British Resident Brunei yang sedang berchuti diluar negeri, telah tidak dapat hadir diMajlis tersebut dan pingat P.O.A.S., yang telah dikurniakan kapadanya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei akan disampaikan kapadanya pada masa ia tiba diBrunei.

Pingat P.O.A.S. Darjat Yang Kedua, telah dianugerahkan oleh Baginda kepada empat orang, iaitu: Pehin Tuan Imam Haji Mohamed Sa'at; Pehin Udana Khatib Haji Hashim; Pehin Setia Pahlawan Haji Mohamed dan Pehin Bendahari Awang Abdul Rahman bin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohamed Taha.

PINGAT JASA BAIK

Tiga orang telah dianugerahkan oleh Baginda dengan Pingat Jasa Baik, iaitu: Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba, Pejawat Daerah, Tutong; Orang Kaya Paduka Setia DiRaja Abang Bung bin Haji Mohamed; dan Orang Kaya Berandal bin Orang Kaya Pemancha Gabok.

PINGAT POLICE NEGERI BRUNEI

Pengiran Besar bin Pengiran Ahmad, Corporal No. 74 dari Ibu Pejabat Police, Bandar Brunei, ialah saorang sahaja yang telah dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dengan Pingat Police Negeri Brunei.

PINGAT PERKHIDMATAN LAMA

Seramai 29 orang Pegawai Kerajaan, mengandungi 28 orang Melayu dan saorang China telah dianugerahkan oleh Baginda dengan Pingat Perkhidmatan Lama, saperti berikut:

Haji Mohamed Ja'afar bin Ma'un, Awang Othman bin Perdana Indra, Md. Noor bin Panglima Asgar, Abdul Wahab bin Mohamed, Idris bin Hamzah, Haji Mohamed Yussof bin Abdul Rahman, Md. Noor bin Othman, Noordin bin Abdul Latif, Md. Yussof bin Am-puan Daud, Othman bin Bidin, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Md. Hussain bin Mohamed Yussof, Zainal bin Pan-jang, Abdi Manaf bin Abu Bakar, Md. Daud bin Serudin, Md. Yussof bin Ahmad, Abdul Latif bin Sulaiman, Abdul Manan bin Mohamed, Awang Tahir bin Pehin Penyorat Haji Hashim, Inche' Abu Hanifah bin Mohd. Sa'id, Imam Mohamed Said bin Haji Ahmad, Inche' Sulong bin Haji Hassan, Inche' Sunny bin Ahmad, Awang Besar Sagap, Taha bin Bakir, Mintik bin Munggo, Pengiran Matsaid bin Pengiran Haji Rajid, Pengiran Abas bin Pengiran Omar dan Mr. Chong Tet Kong.

KEPUTUSAN2 PERADUAN2 PADA MASA SAMBUTAN HARI ULANGAN TAHUN

KEPUTERAAN DYMM SULTAN BRUNEI

Lebih daripada 100 orang, lelaki dan perempuan, kanak2 Sekolah, dan beberapa pasukan2 telah mengambil bahagian dalam berbagai2 jenis peraduan yang telah dilangsungkan dipentas Aneka Warna, dihadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan, diBandar Brunei, pada malam 24, 25 dan 26 September, 1956 kerana menyambut Hari Ulangan Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Hadiyah2 kapada orang2 dan pasukan2 yang telah berjaya dalam peraduan2 itu telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha pada malam 26 September. Pemenang2 hadiah2 itu adalah saperti dibawah ini:

HADRAH: Yang Pertama - Pasukan Gemala, Kampong Pekan Lama, diketuai oleh Pengiran Ahmad bin Pengiran Badar; Yang Kedua - Pasukan Senandong dari Burong Pingai dan Yang Ketiga - Pasukan Saba Darat.

TARIAN ANTARA SEKOLAH2 : (1) Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei (Bahagian Perempuan); (2) Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei (Bahagian Lelaki); dan (3) Chung Hwa Middle School, Bandar Brunei.

JENAKA: (1) Pasukan Aiby Nore Yusa; (2) Pasukan Ak. Tengah P.A.H. dan (3) Pasukan Raffar Shah dan Basuni bin Ja'afar.

NYANYIAN TERBUKA ANTARA MURID2 SEKOLAH: (1) Md. Noor bin Md. (2) Lisnah binte Md. Ali dan (3) Maimunah Md. Yaman.

NYANYIAN TERBUKA ANTARA ORANG2 DEWASA: (1) H.M. Mohaimin (2) A.M. Mohamed dan (3) Awangku Che' Din.

NYANYIAN ASLI: (1) H.M. Mohaimin (2) H.B. Suhaili dan (3) Omar Kassim.

TARIAN ANTARA ORANG2 DEWASA: (1) H.M. Ellan (2) S. Daudin dan (3) Basuni bin Ja'afar.

PAKAIAN KEBANGSAAN: (1) P.B. Damit (2) Mariana dan H.B. Suhaili.

PAKAIAN PEREMPUAN: (1) Mariana (2) Rafiah Hassan dan (3) Hasnah Mohamed.

PAKAIAN BERAGAM: (1) P.B. Damit (2) H.B. Suhaili dan (3) H.M. Ellan.

Salain daripada hadiah2 ...

Salain daripada hadiah2 tersebut, hadiah2 yang lain yang telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha ditemasha tersebut adalah saperti berikut:

PERARAKAN MERETA2 BERHIAS: Yang Pertama - Pejabat Customs dan Marine. Hadiah yang kedua dimenangi oleh P.W.D. Workshop dan P.W.D. Bahagian Bangunan dan Hadiah yang ketiga dimenangi oleh Pejabat Pertanian.

PERARAKAN BERTANGLONG DIDARAT ANTARA ORANG2 DEWASA: (1) Kampong Pekan Lama (2) Pejabat2 Sukat, Tanah dan Hutan dan (3) Pejabat Pertanian.

PERARAKAN BERTANGLONG ANTARA MURID2 SEKOLAH: (1) Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemal-ul-Alam (Bahagian Lelaki); (2) Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemal-ul-Alam (Bahagian Perempuan); dan (3) Chung Hwa Middle School, Bandar Brunei.

PERARAKAN BERTANGLONG DIKAMPONG AYER: (1) P.W.D. Workshop (2) Kampong Saba Darat dan (3) Kampong Pekan Lama.

PERADUAN BERCUCHUL ANTARA RUMAH2 DIDARAT DAN DIKAMPONG AYER YANG MENGGUNAKAN MINYAK GAS: (1) Rumah Awang Tahir bin Pehin Jawatan Dalam Awang Haji Mohamed Yusuf, Kampong Sungei Kedayan; (2) Rumah Pehin Udana Khatib, Lorong Sikuna; dan (3) Rumah Pengiran Ahmad Badar, Kampong Pekan Lama.

PERADUAN BERCUCHUL ANTARA RUMAH2 DIDARAT DAN DIKAMPONG AYER YANG MENGGUNAKAN ELEKTRIK: (1) Rumah Md. Hussain bin Taram, Kampong Sultan Lama; (2) Rumah Md. Yusuf bin Taram, Kampong Pemancha Lama; dan (3) Rumah Che' Gu Pengiran Momin bin Pengiran Osman, Jalan Tasek.

PERADUAN BERCUCHUL ANTARA BANGUNAN2 SHARIKAT2 PERNIAGAAN dimenangi oleh Sharikat Melayu Sumbiling Baharu, Batu 1, Jalan Tutong.

BERTINJU ("BOXING"): Hadiah untuk pasangan yang terbaik sekali dimenangi oleh Tuan dan Neng Chai, dalam mana Tuah telah mengalahkan lawannya itu dalam pertunjukan yang hebat dan menarek hati. Hadiah2 Piala2 Perak kapada orang yang menang dan yang kalah telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha ditemasha tersebut, iaitu kepada: A. Lingam yang telah mengalahkan Ak. Yunus, Abu Bakar mengalahkan Ak. Mashor, Ahmad Tudin mengalahkan Tamid Ahad, Ak. Mohiddin mengalahkan Ak. Suhaile, Ak. Hashim mengalahkan John Tann, Yahya Yakub mengalahkan Jack Ebert, Ak. Mahari mengalahkan A. Besar, Ak. Radin mengalahkan Ak. Md. Yasin, Ladis mengalahkan Kassim dan Ak. Che' Din mengalahkan Md. Ali Ajak.

PERADUAN LUKISAN HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN

British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. D.C. White telah melangsungkan pembukaan rasmi Pertunjukan Lukisan Sanegeri Brunei yang telah diadakan diDewan Mahkamah diBandar Brunei pada petang hari Sabtu 22 September, 1956 sebagai salah satu diantara rangangan2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Mr. A.M. McIntosh, Timbalan Pesuroh Jaya Agong untuk United Kingdom diTenggara Asia telah turut hadzir bersama Yang Berhormat British Resident Brunei ditemasha itu.

Peraduan tersebut telah terbuka kapada kanak2 Sekolah dan orang awam diseluruh Negeri Brunei. Lebih daripada 140 lukisan2

dari berbagai2 jenis ...

dari berbagai2 jenis telah dipertunjukkan, dan keputusannya adalah seperti berikut:

Peraduan untuk kanak2

PEMANDANGAN2 DAN GAMBAR2 BUMI NEGERI BRUNEI (PENCIL): (1) Awangku Sani bin Pengiran Ahmad, S.O.A.S. College, Brunei, Hadiah sebanyak \$ 25; (2) Awangku Ismail bin Pengiran Ahmad, S.O.A.S. College, Brunei, Hadiah sebanyak \$ 15; dan (3) Shie Wen Ming, Chung Hwa Middle School, Brunei, Hadiah sebanyak \$ 10.

PEMANDANGAN2 DAN GAMBAR2 BUMI NEGERI BRUNEI (WATER COLOUR): (1) Chung Fan Sang, Chung Ching Middle School, Seria, \$ 25; (2) Awangku Sani bin Pengiran Ahmad, S.O.A.S. College, Brunei, \$ 15; dan (3) Shie Wen Ming, Chung Hwa Middle School, Brunei, \$ 10.

ORANG2 KENAMAAN (PENCIL): (1) Kho Boon Sien, S.O.A.S. College, Brunei, \$25; (2) Lim Mok Long, \$15 dan (3) Awangku Sani bin Pengiran Ahmad, S.O.A.S. College, Brunei, \$ 10.

LUKISAN2 KAPOR BERWARNA: (1) Koh Pui Teck, Chung Ching Middle School, Seria, \$25; (2) Awangku Sani bin Pengiran Ahmad, S.O.A.S. College, Brunei, \$15 dan (3) Awangku Ismail bin Pengiran Ahmad. S.O.A.S. College, Brunei, \$ 10.

LUKISAN POSTER YANG TERBAIK SEKALI: Hadiah sebanyak \$ 15 dimenangi oleh Awangku Sani bin Pengiran Ahmad, S.O.A.S. College, Brunei.

Peraduan Terbuka

PEMANDANGAN2 DAN GAMBAR2 BUMI NEGERI BRUNEI (PENCIL): (1) Yaman bin Besar, P.W.D. Roads Section, Brunei, \$ 25; (2) Ahmad bin Abdullah, Draughting Department, B.M.P. Co. Ltd., Seria, \$ 15 dan (3) Mayelin bin Rendah, Kampong Setia Pahlawan, Brunei, \$ 10.

PEMANDANGAN2 DAN GAMBAR BUMI NEGERI BRUNEI (WATER COLOUR): (1) Kamaludin bin Abu Bakar, Pejabat Penerangan Kerajaan, Bandar Brunei, \$ 25; (2) Basuni bin Ja'afar, General Hospital, Bandar Brunei, \$ 15; dan (3) Basuni bin Ja'afar, General Hospital, Bandar Brunei, \$ 10.

ORANG2 KENAMAAN (PENCIL): (1) Mohamed Sulaiman, Pejabat Penerangan, B.M.P. Company Limited, Seria, \$ 25; (2) Basuni bin Ja'afar, General Hospital, Brunei, \$ 15 dan (3) M. Sabtu Merali, Draughting Department, B.M.P. Company Limited, Seria, \$ 10.

LUKISAN POSTER YANG TERBAIK SEKALI: Hadiah sebanyak \$ 15 dimenangi oleh Mayelin bin Rendah, dari Kampong Setia Pahlawan, Brunei.

Hadiyah2 tersebut akan dihantarkan oleh Jawatan Kuasa Peraduan Lukisan tersebut kepada Pelukis2 tersebut melalui Registered Post.

Berhubung dengan lukisan2 itu, Jawatan Kuasa Peraduan tersebut memaklumkan bahawa sebagai mana pada tahun yang lalu, Jawatan Kuasa itu akan mengembalikan hanya lukisan2 yang tidak menang dalam peraduan, menekala lukisan2 yang menang akan menjadi hak milik Jawatan Kuasa itu.

TAMBAHAN BANTUAN WANG KAPADA PEKEBUN2 GETAH KECHIL DI BRUNEI
DIPERSETUJUKAN OLEH KERAJAAN

Jawatan Kuasa Perkembangan dan Majlis Nashuarat Negeri telah bersetuju menambahkan lagi pemberian bantuan wang kapada pekebun2 getah kecil diseluruh Brunei. Tambahan bantuan wang ini telah mulai berjalan kust kuasanya pada 1 September, 1956.

Menurut tambahan bantuan wang yang baharu itu, saorang pekebun kecil yang menanam semula kebunnya dengan pohon2 getah akan dibayar oleh Pehak Yang Berkuasa hingga \$ 500 pada tiap2 ekar, dan untuk menanam pohon2 getah yang baharu, Pehak Yang Berkuasa akan membayar hingga \$ 300 pada tiap2 ekar. Pembayaran yang lama ialah \$ 350 untuk menanam semula dan \$ 175 untuk menanam pohon2 getah yang baharu pada tiap2 ekar.

Pembayaran untuk menanam semula pada masa akan datang akan diberi saperti berikut:

\$ 200 salepas menebang pohon2 getah yang lama dan menyediakan tanah untuk menanam semula; \$ 50 salepas menanam anak2 getah kahwin; \$ 100 satahun salepas menanam anak2 getah kahwin; \$ 100 dua tahun salepas menanam anak2 getah kahwin; dan \$ 50 tiga tahun salepas menanam anak2 getah kahwin.

Meskipun Pehak Yang Berkuasa telah bersetuju hendak memberi bantuan wang mulai satahun salepas anak2 getah kahwin itu ditanam, tetapi harga barang2 dan baja2 yang diberi kapada mereka oleh Pegawai Pertanian Negeri akan dipotong daripada wang bantuan \$ 100 itu.

Segala pemberian wang oleh Pehak Yang Berkuasa kapada pekebun2 getah kecil hanya akan diberi sakiranya pekebun2 itu memelihara kebun2 getah mereka dengan memberi puas hati kapada Pegawai Pertanian Negeri dan dengan mengikut kapada sharat2 yang dikehendaki oleh Pehak Yang Berkuasa.

Dalam perkara menanam pohon2 getah yang baharu, Pehak Yang Berkuasa akan memberi bantuan wang kapada pekebun2 getah kecil itu saperti dibawah ini:

\$ 100 salepas menebang pohon2 getah yang lama, serta membersihkan kebun dan menanam anak2 getah; \$ 100 satahun salepas menanam anak2 getah; \$ 50 tiga tahun salepas menanam anak2 getah; dan \$ 50 empat tahun salepas menanam anak2 getah.

Segala pemberian2 yang baharu itu akan diberi kapada pekebun2 getah kecil sakiranya pohon2 getah itu ditanam dan kebun2 getah itu dipelihara dengan memberi puas hati kapada Pegawai Pertanian Negeri.

Pada masa ini beberapa banyak anak2 getah kahwin dari jenis yang baik dapat diperolehi dari Pejabat Pertanian, dan Pejabat itu berharap supaya kesemua pekebun2 getah kecil janganlah lepaskan peluang yang berharga ini untuk menambahkan hasil pengeluaran getah mereka dan juga menambahkan mata pencharian masing2.

RANCHANGAN PERKEMDANGAN GETAH

Adalah difahamkan dari Pegawai Pertanian Negeri bahawa hingga ka sa'at yang terakhir ini luas kebun2 getah diseluruh Brunei yang ditanam dengan getah2 yang baharu adalah berjumlah 989 ekar dan kira2 197,800 anak2 gotah telah dibahagikan kepada pekebun2 getah kecil ...

pekebun2 getah kechil.

Hingga ka sa'at yang terakhir ini sabanyak 243 permintaan2 untuk menanam getah yang baharu telah diterima oleh Pejabat Pertanian Negeri. Luas tanah yang ditanam dengan getah semula tidaklah begitu banyak. Hanya 100 ekar tanah sahaja yang ditanam dengan getah2 semula; dan hanya 27 permintaan2 sahaja yang telah diterima oleh Pejabat Pertanian. Sabanyak 20,000 anak2 getah kahwin telah dibahagikan kapada pekebun2 getah kechil untuk menanam semula.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTIADAT NEGERI BRUNEI

(Sambongan dari Pelita Brunei No. 15)

Barang siapa yang tidak memberi tahu mengenai perkara rojok itu kepada Pendaftar akan bersalah: Hukuman denda sabanyak \$ 100 atau penjara salama sabulan.

Jika percheraiyan itu tidak didaftarkan oleh Pendaftar itu maka hendaklah ia menulis disurat keterangan cherai nombor dan kenyataan2 surat akuan rojok dan hendaklah ia menghantarkan surat keterangan cherai kapada Pendaftar yang mengeluarkan surat akuan cherai, dan Pendaftar itu pula hendaklah mendaftarkan rojok itu dengan memasukkan kenyataan mengikut sabagai mana peratoran yang tersebut.

Jika suatu percheraiyan yang boleh dibatal telah diperbuat dengan tidak diketahui oleh isteri orang itu, maka tidaklah boleh suami itu menyuroh atau meminta isterinya kembali balek kapanya dengan tidak memberi tahu akan hal itu kapada isterinya.

Jika salepas percheraiyan yang boleh dirojok, suami itu telah melafadzkan rojok dan jika perkara itu dipersetujui oleh isterinya, maka perempuan itu bolehlah, dengan permintaan dari suaminya dan dengan menerima perentah dari saorang Kathi, balck tinggal dengan suaminya, kechuali perempuan itu boleh menunjok sebab yang berpatutan menurut Hukom Shara', dalam mana Kathi akan melantek saorang Hakim sebagai mana yang terkandong didalam Undang2.

Jika perempuan itu tidak bersetuju dengan rojok itu, maka tidaklah boleh ia diperentah balek oleh Kathi itu dan tinggal bersama suaminya, tetapi atas permintaan dari perempuan itu bolehlah Kathi meminta kapada suami itu cheraikan isterinya dan apabila suami itu enggan mencheraikan isterinya, bolehlah Kathi itu melantek saorang Hakim dengan mengikut sebagai mana yang terkandong didalam Undang2.

Sakiranya suami kapada mana2 perempuan telah mati atau di-perchayai telah mati, atau pun tidak mendapat sebarang perkhabaran mengenai orang itu salama suatu masa yang lama, maka didalam perkara sademikian patutlah ia memberi peluang kapada isterinya untuk berkahwin semula, tetapi jika surat kematian dibawah Undang2 Pendaftaran Beranak dan Kematian tidak boleh diperolehi, maka saorang Kathi boleh, dengan membuat permintaan dari isteri orang itu dan salepas dijalankan penyiasatan yang berpatutan, mengeluarkan surat akuan kematian suami itu dengan mengikut Hukom Shara', kemudian hendaklah isteri itu diberi kebebasan berkahwin semula dengan mengikut sharat2 yang terkandong didalam Undang2 ini, dan surat akuan kematian yang sademikian hendaklah disifatkan menjadi surat akuan kematian suami itu, dengan mengikut sebagai mana yang terkandong didalam Undang2.

Dalam hal2 yang tersebut, saorang perempuan tidaklah boleh berhak berkahwin semula jika ia tidak mempunyai surat akuan yang dikeluarkan mengikut sebagai mana yang terkandong didalam Undang2 walau pun Mahkamah Tinggi telah mengeluarkan perentah yang suami itu telah dicifikatkan mati. (B E R S A M B O N G)

SAMBUTAN HARI ULANGAN KEPUTERAAN JUNJONGAN KITA NABI MOHAMMADDIBRUNEI BAGI TAHUN 1376

Penduduk2 Islam diBandar Brunei akan mera'ikan Hari Ulangan Keputeraan Junjongan Kita Nabi Mohammad Sallallah 'Alaihi Wassallam yang jatohnya pada 16 October, 1956.

Persetujuan mengadakan perarakan tersebut telah diluluskan dalam suatu mashuarat Persatuan Kesatuan Islam, Bandar Brunei diMasjid Bandar Brunei pada hari Juma'at 14 September, 1956 dalam mana Jawatan Kuasa yang baharu telah dilantek, iaitu: Penaong: Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Yang Dipertua: Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Salleh; Naib Yang Dipertua: Yang Berhormat Pengiran Kerma Indra; Setia Usaha: Pengiran Mohd. Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud; dan Penolong Setia Usaha: Pengiran Mohd. Yusuf A.R. Beberapa orang Jawatan Kuasa telah dilantek juga dalam mashuarat tersebut.

Perarakan2 dilaut dan didarat itu adalah terbuka kapada Pasokan pasokan dari Kampong2, Pertubuhan2 dan Pejabat2 Kerajaan. Perarakan dilaut akan diadakan pada malam hari Ahad 14 October; manakala Perarakan didarat akan diadakan pada petang hari Thalatha 16 October.

Pasokan2 yang hendak mengambil bahagian dalam perarakan2 tersebut hendaklah menghantar surat2 permintaan masing2 mengandungi Chogon2 kata tiap-tiap pasokan itu yang akan digunakan pada masa perarakan tersebut, tidak lewat daripada hari Ithnin 8 October, 1956 kapada Pengiran Mohd. Yusuf A.R., c/o Information Office, Bandar Brunei.

Perarakan Laut 14-10-56

Perarakan ini dibahagi kepada 2 jenis; iaitu perarakan yang memakai lampu tanglong atau minyak, dan lampu elektrik. Tiap2 Kampong, Pejabat dan Pertubuhan yang ingin berada dalam perarakan ini hanya dibenarkan mengadakan satu pasokan bagi tiap2 jenis. Pasokan2 yang ikut bertanding akan diberi angka oleh Jawatan Kuasa tersebut.

Semua pasokan2 (perahu) adalah diperingatkan bahawa hendaklah mereka berkumpul diUjong Kubu tidak lewat dari pukol 7.30 malam tersebut. Perarakan akan bergerak daripada pukol 8.00 malam tepat dengan mengikut susunan yang akan ditetapkan. Perjalanan perarakan semua pasokan mulai bergerak dari Ujong Kubu (Saba Ujong) menuju kahulu, iaitu menyusor sapanjang Kampong2 hingga ka Kampong Burong Pingai dan dari tempat itu menyeberang ka Kampong Tamoi Ujong, kemudian menyusor sapanjang Kampong2 hingga berhadapan diCustoms Wharf dan berhenti mengikut susunan. Pasokan2 akan balek manakala dapat kebenaran.

Pengadil2 akan bertempat diKampong2 yang akan ditempatkan ke mudian hari. Keputusan2 dan hadiah2 untuk pasokan2 yang berjaya akan diumomkan pada akhir Perarakan Darat pada 16-10-56. Tidak ada tegahan kepada pasokan yang suka hendak mengadakan pasokan hadzrah atau lain2 yang bersangkut paut dengan hal ugama dalam perarakan ini.

Perarakan Darat 16-10-56

Semua pasokan2 yang akan berarak hendaklah berkumpul diPadang Besar, Bandar Brunei pada pukol 1.30 petang hari tersebut dan berator mengikut angka bilangan yang akan ditetapkan nanti. Sharat2 memasuki dalam perarakan ini adalah saperti berikut:

Bilangan ahli2 pasokan yang akan mengambil bahagian tidak berhad; kanak2 yang kecil tidak dibenarkan turut bersama dalam perarakan ini, untuk keselamatan bersama. Chogon2 kata akan ditapis terlebih dahulu sabelum dibawa berarak. Sebab itu, diminta pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam perarakan ini, hantarkan Chogon2 kata mereka kapada Penolong Setia Usaha Jawatan Kuasa tersebut diInformation Office, Bandar Brunei tidak lewat daripada 8 October, 1956.

Tiap-tiap pasokan ...

Tiap-tiap pasokan hanya dibenarkan membawa Chogan kata tidak lebih daripada 2 helai atau keping; dikehendaki tiap-tiap pasokan membawa hanya sahelai sahaja bendera hijau (gadong) yang bertulis dengan kalimah besarnya 2 kaki dan 4 kaki; semua pasokan perarakan diminta menghiasi pasokan2nya dengan saberapa elok yang boleh kerana akan dikira dalam marakah; tiap-tiap pasokan hendaklah berbaris dengan 3 barisan, baik dimasa berdiri dalam padang, apatah lagi dimasa berjalan; dikehendaki semua pasokan membacha Selawat disapanjang perjalanan; tidak dibenarkan orang yang mengambil bahagian dalam perarakan ini memakai seluar pendek dan di-tegah sama sekali kapada pasokan2, iaitu tidak boleh membawa perarakan yang berjentera.

Pengadil2 kerana perarakan ini akan memerhatikan ditempat2 yang akan diatorkan pada sapanjang jalan; hadiah2 akan disampaikan kapada pasokan2 yang berjaya pada hari tersebut juga.

Berhubung dengan perarakan ini, Jawatan Kuasa tersebut meminta kapada orang2 yang berugama Islam supaya janganlah mereka berdiri atau duduk ditepi jalan atau kedai dan dipersilakan mereka ikut berarak dengan pasokan yang ditetapkan nanti.

MAJLIS BERZIKIR DIMASJID BANDAR BRUNEI

Sementara itu, mulai pada malam 4 October akan diadakan Majlis Berzikir diMasjid Bandar Brunei salama 12 malam berakhir pada malam 16 October. Majlis Berzikir pada tiap-tiap malam ini terbuka kapada orang ramai, Pertubuhan, atau pun Pejabat2 yang ingin hendak mengambil kesempatan mengadakan Majlis sendiri pada malam2 yang tertentu.

Sakalian permohonan berhubung dengan perkara ini hendaklah dikemukakan kapada Setia Usaha Jawatan Kuasa ini diPejabat Penerangan, Bandar Brunei dengan saberapa segera.

PERADUAN SILAT DAN KUNTAU SANEGERI BRUNEI DIISTANA DARUL HANA

Peraduan Akhir Silat dan Kuntau Sanegeri Brunei telah dilangsungkan di Kawasan Istana Darul Hana, Brunei pada malam 23 September, 1956 sebagai salah satu diantara rancangan2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Inilah kali yang kedua peraduan2 tersebut dindakan pada tahun ini. Pada kali yang pertama peraduan2 itu telah dilangsungkan di Kawasan Istana Darul Hana juga, iaitu pada malam 24 January, 1956 pada masa Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia, Yang Amat Berhormat Sir Robert Scott melawat Brunei. Bagaimana pun, peraduan2 akhir itu akan diadakan pada tiap2 tahun, iaitu pada masa sambutan Hari Ulangan Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Hadiah2 kapada pehak2 yang berjaya telah disampaikan pada malam itu oleh Pesuroh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Tuan Yang Terutama Sir Anthony Abell, dengan disaksikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin, Kerabat2 Diraja, Pegawai2 Kerajaan, Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri, para pembesar dan orang ramai.

Johan2 Silat dan Kuntau dari Daerah2 Brunei, Tutong, Seria, Belait dan Temburong telah masuk bertanding dan keputusannya adalah seperti berikut:

Mat Don bin Arshad, Johan Silat Daerah Tutong telah menjadi Johan Silat Sanegeri Brunei apabila ia mengalahkan Duraman bin Gador, Johan Silat Daerah Seria dalam pusingan akhir. Dalam pusingan pertama Bahagian "A" Haji Mohiddin, Johan Brunei telah mengalahkan Othman, Johan Belait; tetapi Haji Mohiddin dikalahkan oleh Duraman, Johan Seria. Dalam Bahagian "B" Mat Don, Johan Tutong mengalahkan Metusin, Johan Temburong dan Mat Don terus melawan Duraman dalam pusingan akhir dengan berkesudahan seperti tersebut.

Dalam bahagian Kuntau pula, Montil bin Gador, Johan Kuntau Daerah Seria telah menjadi Johan Kuntau Sanegeri Brunei satelah ia mengalahkan Darum bin Parmu Yusuf, Johan Kuntau Daerah Tutong dalam pusingan akhir.